

Berakit-rakit ke Hulu, Berenang-renang ke Tepian



Marrissa Mohamed Taib


Kelas yang riuh serta-merta menjadi senyap apabila Cikgu Syahira melangkah masuk ke dalam bilik darjah. Kedengaran bunyi kipas angin di **siling** berputar dengan **ligat**.

“Selamat sejahtera murid-murid,” ucap Cikgu Syahira.

“Selamat sejahtera Cikgu Syahira,” jawab murid-murid.

“Baiklah murid-murid, siapakah yang tidak hadir hari ini?” tanya Cikgu Syahira.

“Atiqah tidak hadir, Cikgu,” balas Nabilah dengan segera.



Berkerut dahi Cikgu Syahira seketika. Beliau risau akan muridnya, Atiqah. Sejak kebelakangan ini Atiqah kerap ponteng sekolah. Selepas kelas, Cikgu Syahira berbual dengan Nabilah.

“Saya tidak tahu, Cikgu. Saya juga **khuatir**. Saya tengok Atiqah sering kelihatan **sugul** semasa kelas. Apabila saya tanya, dia hanya mendiamkan diri,” jawab Nabilah.

Selepas sekolah, Nabilah membelek-belek telefon bimbitnya.

“Bukankah ini gerai ayah Atiqah? Apakah yang Atiqah buat di sana?” hati Nabilah tertanya-tanya.

Nabilah memeriksa waktu video tersebut dimuatnaikkan. Rupa-rupanya Atiqah berada di pusat makanan tersebut malam semalam.



Nabilah menunjukkan video itu kepada abangnya, Nabil. Nabil menyarankan kepada Nabilah agar memberitahu Cikgu Syahira.

Keesokan harinya, Nabilah bertemu Cikgu Syahira untuk berkongsi tentang hal tersebut. Kebetulan, Atiqah berada di sekolah pada hari itu. Cikgu Syahira dengan cepat seperti kilat memanggil Atiqah untuk mendapatkan penjelasan daripadanya.



Daun-daun kebimbangan
gugur satu persatu. Atiqah
takut untuk berterus terang.

Akhirnya, Atiqah mula
bersuara. Rupa-rupanya
ibu Atiqah telah jatuh sakit
dan dirawat di hospital.

Sebagai anak sulung, Atiqah
berasa bertanggungjawab untuk
membantu ayahnya. Gerai itulah satu-satunya **sumber**
rezeki mereka. Cikgu Syahira prihatin akan masalah
yang dihadapi oleh Atiqah. Beliau bertekad untuk
membantu muridnya itu.



Cikgu Syahira telah menghubungi ayah Atiqah.
Beliau sebenarnya tidak membenarkan Atiqah
membantunya di gerai tetapi anak sulungnya itu tetap
berdegil. Barulah Cikgu Syahira tahu perkara yang
sebenar. Setelah berbincang, Atiqah akur bahawa
dia harus mengutamakan pelajarannya. Ayah Atiqah

pula telah mendapat pekerja baharu untuk bekerja secara sambilan.

Sekembalinya ke sekolah, Atiqah menyuarakan kebimbangannya kepada Nabilah kerana dia telah banyak ketinggalan dalam pelajaran.

“Atiqah, kamu jangan bimbang. Saya akan bantu kamu dalam pelajaran,” pujuk Nabilah.

“Semua tugas Matematik, saya tidak dapat buat. Saya takut, Nabilah,” kata Atiqah dengan nada yang sedih.

“Jangan bimbang. Abang saya, Nabil bagus dalam mata pelajaran Matematik. Dia boleh membantu kamu,” kata Nabilah lagi sambil menepuk bahu rakannya itu.

Semenjak hari itu, kedatangan Atiqah ke sekolah telah bertambah baik. Hati Nabilah melonjak riang. Memang benarlah peribahasa hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Dengan bantuan Nabil dan Nabilah juga, **prestasi** Atiqah dalam pelajaran telah

SUDUT BELAJAR



meningkat. Mereka bertiga bagai aur dengan tebing, saling membantu satu sama lain dalam pelajaran.


“Saya risaulah. Peperiksaan akhir tahun tidak lama lagi. Cikgu Syahira kata tinggal sebulan sahaja,” kata Atiqah kepada Nabil dan Nabilah.

“**Berakit-rakit** ke hulu, berenang-renang ke tepian. Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian,” balas Nabilah.

“Huh?” kata Nabil dengan raut wajah yang keliru. Atiqah juga mengerutkan dahinya.

Berakit-rakit ke Hulu, Berenang-renang ke Tepian

“Apa kata, kita ke Tasik Jurong hujung minggu ini? Ada perlumbaan bot naga. Kita ajak Ibu dan Ayah. Atiqah, kamu mahu ikut? Nanti bolehlah kita semua faham makna peribahasa itu,” beritahu Nabilah sambil tersengih-sengih.



“Selamat datang ke Tasik Jurong. Perlumbaan bot naga akan bermula dalam masa 5 minit lagi,” ujar juruacara dengan suara yang lantang.



Keadaan di Tasik Jurong sugguh meriah.

Barulah Atiqah dan Nabil faham apa yang dimaksudkan oleh Nabilah.

“Berakit-rakit ke **hulu**,
berenang-renang ke tepian.
Bersakit-sakit dahulu,
bersenang-senang kemudian.”

Seperti para peserta perlumbaan bot naga yang banting tulang untuk mencapai kejayaan, kita juga perlu mempunyai sikap berdaya bingkas jika ingin mencapai sesuatu. Memanglah kadangkala kita menghadapi kesukaran tetapi kita perlulah **cekal** kerana kejayaan pasti milik kita suatu hari kelak.

Atiqah, Nabil dan Nabilah **bertekad** untuk melakukan yang terbaik dalam peperiksaan yang bakal menjelang.



Glosari

| | |
|----------------------|---|
| berakit-rakit | bergerak ke sana sini di air dengan menggunakan rakit (beberapa batang buluh yang diikat berangkai) |
| hulu | bahagian atas sungai, udik |
| siling | langit-langit rumah |
| ligat | berpusing dengan pantas |
| khuatir | agak cemas atau takut akan berlaku sesuatu, bimbang |
| sugul | asal, mula, punca |
| sumber | meminta dengan bersungguh-sungguh |
| prestasi | hasil yang telah diperoleh, pencapaian |
| cekal | tahan menderita, tabah |
| bertekad | bermaksud, berazam, berniat |





Trivia

Bahasa Cina dan Tamil juga ada peribahasa atau pepatah yang membawa mesej yang sama seperti pantun nasihat yang berikut:

Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian.
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

书山有路勤为径， 学海无涯苦作舟 (Shūshān yǒu lù qín wéi jìng, xuéhǎi wú yá kǔ zuò zhōu) Makna: Pengetahuan setinggi gunung akan diraih dengan usaha gigih dan ilmu seluas laut akan diperoleh dengan kecekalan.



Makna: Kejayaan akan dicapai dengan usaha gigih.



Aktiviti Bersama Keluarga

Untuk menunjukkan sikap berdaya bingkas dalam pelajaran, saya berjanji akan

(Tandatangan murid)



Minta ibu bapa atau waris kamu untuk menuliskan kata-kata perangsang kepada diri kamu.

Kata-kata Perangsang

(Tandatangan ahli keluarga)

